



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj. Kami: ANM.PHG.600-15/2/22 JLD4 (61)

Tarikh: 14 Disember 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TAKLIMAT TATACARA TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2023 BERSAMA
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN PUSAT TERIMAAN**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Taklimat Tatacara Terimaan Bagi Penutupan Akaun Tahun 2023 Bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) Dan Pusat Terimaan akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : **20 Disember 2023 (Rabu)**
Masa : **10.30 pagi**
Tempat : **Secara atas talian (pautan akan dimaklumkan kemudian)**

3. Sesi taklimat ini diadakan adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan terimaan serta tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Terimaan bagi memastikan kelancaran proses Penutupan Akaun Persekutuan Tahun Kewangan 2023. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan yang terlibat dengan **Terimaan adalah diwajibkan hadir ke sesi taklimat tersebut.**

4. Bersama-sama ini disertakan senarai PTJ yang terlibat sebagaimana di **Lampiran A**. Mohon kerjasama untuk melengkapkan borang pengesahan kehadiran sebelum atau pada 18 Disember 2023. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, sila berhubung dengan pegawai seperti berikut di talian:

- Puan Farah Kartini binti Mohamed - 09-5915029
- Puan Noor Afizawati Binti zakaria - 09-5915023
- Puan Ros Liantrah Binti Aman Tubillah - 09-5915023

5. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan bagi memastikan Penutupan Akaun Tahun 2023 berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah

(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang